

KOLEJ PUTAR ALAM

Guna nama UPM
kaut beribu ringgit

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Sebuah kolej swasta dipercayai menyalahgunakan nama Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk mengambil pelajar secara tidak sah bagi mengaut keuntungan beratus ribu ringgit.

Kolej swasta itu dikatakan memiliki cawangan di Labuan, Jitra, Kedah, Taiping, Perak dan Beaufort, Sabah.

LIHAT MUKA 4

Mutakhir


BUDAPEST: Pegawai Amerika Syarikat berkata, mereka mula melatih rakyat Iraq yang hidup dalam buangan di pangkalan tentera Hungary untuk membantu tentera Amerika sekiranya perang dengan Iraq meletus. — AP

BUKTI...Shahar menunjukkan laporan akhbar dan surat larangan UPM kepada kolej berkenaan. — Gambar L MANIMARAN

LARANG KENDALI PROGRAM UPM

Kolej mempunyai cawangan di Labuan, Jitra, Taiping, Beaufort

U/P : PW SHAHAR BIN SUBANI



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
PUSAT PROGRAM LUAR

PELAKSANA TUGAS
PELAKSANA TUNJ
TARIKH: 27 Jun 2002

Tuuan,

RAYUAN PEMBATALAN LARANGAN PENGAMBILAN PELAJAR SEMESTER MEI 2002/2003


Dengan segala hormatnya perkara di atas dan surat tuan kepada Pendaftar UPM bertarikh 17 Mei 2002 adalah di-upul.

Seleh dibentok dan dibentok rayuan permohonan tersebut, pihak Pengurusan UPM telah memutuskan untuk mengekalkan keputusannya untuk tidak membenarkan pihak kolej mengambil pelajar baru bagi program Kerjasama UPM - IPTS (Diploma Sains Komputer dan Diploma Pengurusan Perniagaan).

Sehubungan dengan itu, pihak kami memohon kerjasama daripada pihak kolej agar dapat mematuhi keputusan yang telah dibuat oleh pihak Pengurusan UPM.


Sekian, harap maklum.

Yang benar,



PROF. MADYA DR. ABDUL AZIZ BIN SAHAREE
Pengerah
Pusat Program Luar

JK



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
PUSAT PROGRAM LUAR

PELAKSANA TUGAS
PELAKSANA TUNJ
TARIKH: 19 Julai 2002


RAYUAN PEMBATALAN LARANGAN PENGAMBILAN PELAJAR SEMESTER MEI 2002/2003

Dengan segala hormatnya perkara di atas dan surat tuan bertarikh 28 Jun 2002 adalah dirujuk.

Adalah dimaklumkan bahawa pihak Pengurusan UPM tetap mengekalkan keputusannya untuk tidak membenarkan pihak kolej mengambil pelajar baru bagi program Kerjasama UPM - IPTS (Diploma Sains Komputer dan Diploma Pengurusan Perniagaan). Sehubungan dengan itu, pihak kami memohon kerjasama daripada pihak kolej agar dapat mematuhi keputusan yang telah dibuat oleh pihak Pengurusan UPM.

Sekian, harap maklum.

Yang benar,



PROF. MADYA DR. ABDUL AZIZ BIN SAHAREE
Pengerah
Pusat Program Luar

JK

(Silalah gunakan ruangan ini dalam urusan berkaitan)

Tarikh: 7 Januari 2003.

Cik,

PENGANIYAAAN TERHADAP PELAJAR IPTS


Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat cik bertarikh 25 Disember 2002 adalah berkaitan.

2. Kementerian ini mengucapkan terima kasih di atas kerjasama cik menyampaikan maklumat berhubung perkara di atas. Jabatan ini akan mengambil tindakan yang sewajarnya berdasarkan maklumat yang diterima.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(ZULKIFLI ANSARI)
b.p. Pengerah Bahagian Penguatkuasaan
Jabatan Pendidikan Swasta
Kementerian Pendidikan Malaysia.

JK

(Silalah gunakan ruangan ini dalam urusan berkaitan)
Pusat Program Luar
E-mail: pppl@ppm.upm.edu.my / Pusat Program Luar (pppl@ppm.upm.edu.my)

ARAHAN...surat larangan kepada kolej terbabit mengambil pelajar yang dihantar oleh UPM dan Kementerian Pendidikan

DARI MUKA 1

Ia mendakwa mendapat kerjasama mengendalikan program francais UPM dan menjadikan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sasaran utama ditawarkan sijil dan diploma palsu.

Bapa pelajar yang menjadi mangsa mendakwa anaknya bersama 30 pelajar lain memasuki kolej itu di Labuan pada 27 Mei 2001 selepas ditawarkan Program Sijil Sains Komputer selama setahun.

Shahar Subaini, 41, berkata anaknya, Sharizah, 18, kemudian ditawarkan mengikuti program lanjutan Diploma Sains Komputer di kolej induk di Taiping, Perak yang didakwa mendapat pengiktirafan Pusat Program Luar UPM.

Menurutnya, surat tawaran kemasukan dihantar pada 13 Mei lalu turut tertera logo UPM di bucu atas surat selain tawaran kemasukan program francais UPM di kolej itu.

“Kebanyakan pelajar yang mendapat tawaran membuat permohonan mendapatkan biasiswa Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTA) sebanyak RM5,000 dari Tabung Pembangunan Kemahiran selain wang pendahuluan dari Majlis Amanah Rakyat Malaysia (MARA) berjumlah RM1,000.

“Bagaimanapun, penipuan kolej itu terbongkar apabila anak saya tamat menduduki peperiksaan semester satu pada 14 Oktober tahun lalu dan mahu mendaftar semula memasuki semester baru pada 10 Disember tahun yang sama.

“Kakitangan kolej itu mendakwa anak saya gagal dalam peperiksaan dan tidak layak belajar di kolej itu lagi,” katanya.

Menurutnya, jawapan itu dianggap tidak munasabah dan seolah-olah cuba membuang pelajar walaupun mereka sudah membayar yuran.

“Apabila kita meminta salinan keputusan peperiksaan asal pelajar, mereka enggan beri dan mengemukakan pelbagai alasan.

"Saya kemudian menghubungi pengarah urusan kolej itu untuk mendapatkan penjelasan namun diberitahu anak saya tidak layak lagi menyambung pelajaran kerana gagal dalam peperiksaan," katanya.

Shahar yang juga Pegawai Waran Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) kemudian menghubungi Pejabat Pendidikan Labuan untuk mendapatkan penjelasan.

"Saya terperanjat apabila dimaklumkan ditipu penguurusan kolej swasta itu dan dinasihatkan menghubungi

UPM dan Kementerian Pendidikan.

Menurutnya, dia yang tidak berpuas hati merujuk kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar Luar UPM bagi mendapatkan penjelasan terperinci.

"Saya sekali lagi terkejut apabila diberitahu bahawa kolej itu tidak lagi dibenarkan mengambil pelajar baru bagi Program Kerjasama UPM-IPTS (Diploma Sains Komputer dan Diploma pengurusan Perniagaan) bermula semester Mei tahun lalu.

"Pengurusan kolej itu merancang menipu pelajar walaupun pembatalan hak meneruskan program francais dengan UPM sudah dimaklumkan kepada mereka.

"Surat larangan pengambilan pelajar kepada kolej itu disahkan oleh Pengarah Pusat Program Luar UPM, Prof Madya Dr Abdul Aziz Sahare," katanya.

Menurutnya, aduan yang sama turut disampaikan kepada Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan, Zulkifli Ansari, pada 25 Disember lalu.

"Pihak Kementerian Pendidikan melalui maklum balasnya pada 7 Januari lalu turut berjanji akan mengambil tindakan

sewajarnya terhadap kolej itu.

"Mereka (pihak kolej) sengaja menyembunyikan perkara itu daripada pengetahuan ibu bapa dan pelajar dengan niat mengaut keuntungan melalui pembayaran yuran," katanya.

Menurutnya, masalah itu bukan sahaja menjejaskan masa depan pelajar, malah menyebabkan ibu bapa menanggung beban tinggi bagi membayar semula hutang kepada kerajaan.

"Saya sendiri menghabiskan wang RM10,000 untuk

menampung kos pembelajaran, sewa rumah dan makan minum selama anak saya belajar di Taiping.

"Hasil siasatan mendapati, seramai 132 pelajar dari Jitra, Kedah dan 75 pelajar dari Beaufort, Sabah turut diperdaya," katanya.

Menurutnya, pihak ibu bapa sudah sebulat suara akan mengambil tindakan mahkamah terhadap kolej itu secepat mungkin dan mahu mereka membayar ganti rugi terhadap apa yang dilakukan.

Shahar berkata, dia dan 15

PERKAHWINAN H KURSUS

01-12, 8-9, 15-16, 22-23, 29-30 Mac '03

di Wilayah Persekutuan (JAWI). Mengikut Modul 1 Islam (MBKPP1). Tanpa Temuduga. Pengetahuan dari JAWI/JAKIM.

Diselenggarakan bagi semua negeri di Malaysia dan tiada had

bilangan peserta disediakan.

Daftar masuk Fail, Buku Kursus dan Sijil.

Tempat dan minum petang disediakan.

Tempat duduk (3.00 petang hingga 7 petang)

Tempat duduk pagi hingga 6.15 petang)

Untuk pendaftaran dan tempahan sila hubungi:

S KESEDARAN INSAN

Suria, Jalan Silang, 50050 Kuala Lumpur

0726975/20726976

(En. A. Rai/Akmal & Noraini)

PEMBAYARAN HANYA DI TINGKAT 6

Perkahwinan Beraneka Corak & Warna

Warna Yang Berpatutan

dan Kasih Untuk Bunga Telur)

Tempat duduk Kereta di Metrojaya Sinar Kota

25 terima bantuan Yayasan Amal Wangsa

KUALA LUMPUR: Ahli Parlimen Wangsa Maju, Datuk Zuhairi Hassan Rafique menyampaikan bantuan kewangan dan peralatan sumbangan Yayasan Amal Wangsa dan Peruntukan Kecil Wakil Rakyat Parlimen Wangsa Maju kepada 25 penerima terpilih.

Penerima terdiri daripada 13 pemohon bantuan dan 12 badan termasuk pasukan keselamatan, badan beruniform serta sekolah sekitar dan luar kawasan Wangsa Maju.

Beliau yang juga Pengerusi Yayasan Amal Wangsa, berkata, sebanyak RM18,000 disumbangkan oleh yayasan manakala RM26,300 adalah peruntukan kecil wakil rakyat kawasan Wangsa Maju.

"Ia bertujuan meringankan bebanan kewangan yang ditanggung penerima dan keluarga selain membantu badan, pasukan dan sekolah terbabit melakukan aktiviti kemasyarakatan dan program sukan dengan mudah.

"Penerima akan dipilih berdasarkan masalah yang dinyatakan dalam permohonan mereka dan yayasan akan meneliti sama ada mereka layak atau tidak sebelum bantuan diluluskan," katanya.

Katanya, sebanyak tiga permohonan akan diterima setiap minggu oleh yayasan daripada penduduk sekitar dan luar kawasan Wangsa Maju.

lagi ahli keluarga mangsa turut sudah membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Labuan pada 5 Januari lalu.

"Saya percaya ramai lagi pelajar dari sekitar Perak, Kedah dan Sabah terpedaya dan masih belum menyedari nasib malang menimpa mereka," katanya.

RAMALAN CUACA

Bagi tempoh 18 jam mulai jam 7 pagi, 4 Februari 2003 dikeluarkan Perkhidmatan Kaji Cuaca Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

Kuala Lumpur
Cerah di waktu pagi, mendung di waktu petang dan baik di sebelah malam.
Suhu 24-32 darjah celsius.

Seluruh Negara

Pagi Hujan di Kuching dan Samarahan di Sarawak manakala cuaca baik di semua bahagian di Sabah dan Semenanjung.

Petang Hujan di satu dua tempat di Pahang, Selangor, Johor, Perak, Melaka dan Negeri Sembilan di Semenanjung, Bintulu, Sibul, Sarikei, Kapit, Sri Aman, Kuching, Samarahan, Betong dan Mukah di Sarawak manakala cuaca baik di semua bahagian Sabah.

Malam Hujan di satu dua tempat di Pahang, Johor, Melaka dan Negeri Sembilan di Semenanjung, Sibul, Sarikei, Kapit, Sri Aman, Kuching, Samarahan dan Betong di Sarawak manakala cuaca baik di semua bahagian di Sabah.

Keadaan Laut

Ombak
Selat Melaka 1.0 - 1.5 meter
Laut China Selatan 2.0 - 3.0 meter

Angin
Selat Melaka TL 20 - 30 kmsj
Laut China Selatan TL 40 - 50 kmsj

BD — Barat Daya BL — Barat Laut
TG — Tenggara T — Tenggara
S — Selatan U — Utara
B — Barat